

Newspaper	Berita Harian
Date	27/6/2014

Malaysia, Tajikistan komited kerjasama pelbagai bidang

Putrajaya: Malaysia dan Republik Tajikistan komited dalam usaha meningkatkan dagangan dua hala serta kerjasama dalam pelbagai bidang membabitkan kepentingan kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata rekod dagangan tahun lalu berjumlah AS\$5.5 juta (RM16.5 juta), meningkat 184 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Pertingkat hubungan

"Kita mahu hubungan ditingkatkan ke tahap baharu terutama menerusi perdagangan dua hala dalam bidang yang mana syarikat Malaysia mempunyai kepakaran seperti sektor pembinaan, jana kuasa, perlombongan dan industri makanan serta produk halal," katanya pada sidang media bersama Presiden Republik Tajikistan, Emomali Sharipovich Rahmon di Seri Perdana, semalam.

Rahmon dalam rangka lawatan kerja empat hari bermula kelmarin atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuan-

ku Abdul Halim Muadzam Shah. Ini adalah lawatan negara pertama Rahmon ke Malaysia sejak jalinan hubungan diplomatik antara Tajikistan dan Malaysia bermula pada tahun 1992.


Najib berkata, kedua-dua negara juga akan bekerjasama rapat dalam pelbagai isu berbangkit berteraskan konteks perpaduan.

Bakal Pengerusi ASEAN

Sementara itu Rahmon menyalu-alukan Malaysia sebagai bakal Pengerusi ASEAN tahun 2015 dan menjemput Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri melawat Tajikistan tahun depan.

Terdahulu, Malaysia dan Tajikistan menandatangani satu perjanjian dan memeterai lima memorandum persefahaman.

Perjanjian adalah berkaitan bidang ekonomi, teknikal dan kerjasama saintifik, manakala MoU merangkumi beberapa bidang termasuk pendidikan, perundingan dua hala serta keselamatan sosial, pelancongan dan sukan.



Rahmon bersalam dengan Najib selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kerjasama dan sidang media sempena lawatan rasmi beliau ke Malaysia, di Seri Perdana, Putrajaya, semalam.
[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]